



KENYATAAN TAWARAN KERJA UNDI BAGI KERJA-KERJA PEMASANGAN  
METER DMZ, PRESSURE REDUCING VALVE (PRV) DAN ALTITUDE VALVE  
SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN BAGI DAERAH KEMAMAN,  
DUNGUN, KETENGAH, BESUT DAN SETIU

1. Dimaklumkan bahawa sesi undian bagi kerja-kerja sebagaimana yang dinyatakan di atas akan dilaksanakan pada ketetapan berikut:-

TARIKH : 26 MEI 2025 (ISNIN)  
MASA : 11.00 PAGI  
LOKASI : BILIK GERAKAN SATU IBU PEJABAT  
JALAN SULTAN ISMAIL,  
20200 KUALA TERENGGANU

2. Kerja-kerja ini dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB)** dan mempunyai **Permit IPA Jenis D (Bekalan Air)** dari **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
3. Kontraktor yang berminat boleh menghadiri **sesi taklimat (DIWAJIBKAN)** pada **30 APRIL 2025 (RABU)** jam 11.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan SATU Ibu Pejabat, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu.
4. Sesi pendaftaran kontraktor adalah bermula pada **30 APRIL 2025 (RABU)** sehingga **14 MEI 2025 (RABU)** bertempat di **Pejabat SATU Seksyen Perolehan & Ukur Bahan, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu** dan pada waktu pejabat.
5. Hanya penama di dalam **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** atau **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK)** sahaja dibenarkan mendaftar dan tidak dibenarkan mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil melalui pengisytiharan atau pengesahan pemohon dengan **Borang Ikrar Aku Janji - Lampiran A** (*akan diberikan semasa pendaftaran*).
6. Dokumen **WAJIB** yang perlu dikemukakan semasa pendaftaran adalah seperti berikut:-
  - a. **Salinan Kad Pengenalan** Pemilik Syarikat / Penama dalam Sijil CIDB;
  - b. **Salinan Sijil Pendaftaran dan SPKK (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (PKK) serta Permit IPA Jenis D (Bekalan Air) (SPAN);**  
*\*Semua sijil berkenaan mestilah masih di dalam tempoh sah laku*  
*\*Sila bawa bersama cop syarikat semasa pendaftaran*
  - c. **Profil Syarikat** (yang merangkumi **Senarai Jentera, Senarai Pengalaman Kerja Dan Senarai Kerja Semasa**)
7. Kontraktor akan disenarai hitam atau dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak CIDB dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) sekiranya membuat perakuan / penyataan palsu atau tidak mematuhi syarat-syarat undi.
8. Kontraktor yang berkelayakan akan dihubungi selepas proses penilaian selesai dijalankan untuk menghadiri sesi undian yang akan dilaksanakan.
9. Kadar harga kerja adalah sebagaimana **JADUAL KADAR HARGA SATU** (*Dipamer di Pejabat Seksyen Perolehan dan Ukur Bahan untuk rujukan kontraktor*).
10. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pihak kami di talian **09-621 4118 (Pejabat Seksyen Perolehan & Ukur Bahan)**.